

04 NOV 1998

Najib-Ejen

ADA EJEN EKSPLOITASI PELAJAR CHINA UNTUK KE M'SIA, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Kementerian Pendidikan telah menerima laporan adanya ejen-ejen pengambilan pelajar di China yang mengeksploitasi para pelajar negara itu untuk belajar di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) negara ini dengan memberikan janji-janji palsu yang tidak boleh ditunaikan.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak ketika mendedahkan kegiatan itu yang dikesan beberapa bulan lepas, berkata ejen-ejen itu memberi janji seperti pekerjaan di Malaysia selain mengenakan bayaran komisyen antara AS\$2,000 dengan AS\$3,000 bagi setiap pelajar.

Maklumat dari Kedutaan Malaysia di Beijing menyatakan bahawa ada syarikat pelancongan di China yang menjadi ejen pengambilan pelajar untuk Malaysia.

"Ini telah membawa kepada imej yang negatif kepada pendidikan di Malaysia dan sebagai satu tamparan kepada usaha kita menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kementerianya di sini.

Najib berkata, kementerian itu telah mengambil langkah positif dan tegas dengan memanggil semua IPTS dalam suatu perjumpaan untuk membincangkan perkara itu dan mereka telah berjanji untuk tidak menggunakan ejen-ejen yang terbabait dengan eksploitasi itu.

"Kementerian memandang berat perkara ini dan sekiranya ada IPTS yang masih menggunakan ejen yang membawa imej yang negatif kepada negara kita, tindakan boleh diambil terhadap mereka," katanya.

Najib berkata, IPTS di negara ini juga berjanji akan melantik hanya ejen-ejen berwibawa atau mereka sendiri menubuhkan syarikat di China bagi mengelakkan perkara itu daripada berulang.

Katanya, ejen berkenaan juga dikatakan mengeksploitasi pelajar dari China yang mahu belajar di negara-negara lain tetapi setakat ini tidak diketahui bilangan ejen dan jumlah pelajar yang terbabit.

"Setakat ini yang dapat diketahui ada kira-kira 200 agensi pengambilan tetapi bukan khas untuk Malaysia sahaja," katanya.

Najib berkata, cuma IPTS yang diberi kuasa mengambil pelajar luar negeri sahaja yang dibenarkan berbuat demikian dan jika dikesan ada pelajar yang bukan bona fide, mereka tidak akan dibenarkan menyambung kursus di Malaysia.

Kedutaan Malaysia di Beijing bukan sahaja memberi maklumat kepada kementerian itu mengenai kegiatan yang tidak bertanggungjawab itu malah turut menjelaskannya kepada masyarakat di China mengenainya.

Sementara itu Najib berkata, kementerian itu akan mengeluarkan pekeliling bagi melaksanakan ketetapan mengenai cuti pada satu hari Sabtu sebulan bagi kakitangan awam sebagaimana yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Belanjawan 1999 baru-baru ini.

Pekeliling itu akan memberitahu semua sekolah supaya tidak mengadakan kegiatan kokurikulum pada hari berkenaan mulai tahun depan.

"Dengan ini bukan sahaja guru-guru dapat bercuti tetapi pelajar-pelajar juga dapat bercuti dengan ibu bapa mereka kerana salah satu daripada tujuan perkara ini ialah menggalakkan industri pelancongan tempatan," katanya.

Mengenai lawatan lima hari beliau ke Australia dari 27 Okt lepas, Najib berkata lawatan untuk mempromosikan Koridor Raya Multimedia (MSC) itu berjaya menarik minat syarikat teknologi maklumat (IT) di negara itu.

Dalam lawatan ke Melbourne dan Sydney itu, tiga perjanjian usahasama telah ditandatangani antara tiga syarikat IT Australia dan syarikat IT tempatan.

Beliau juga mengadakan pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan Australia Tim Fischer, Menteri Pendidikan, Latihan dan Hal Ehwal Belia David Kemp, Menteri Komunikasi, Teknologi Maklumat dan Kesenian, Richard Alston dan Ketua Menteri Victoria Jeff Kennett.

Najib turut mengadakan perjumpaan dengan para pelajar Malaysia di Australia dalam satu pertemuan di Melbourne.

-- BERNAMA

AFY NMO